

‘Henti keganasan, jamin kemerdekaan Palestin dan segerakan bantuan’

Sepang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, menghentikan keganasan, menjamin kemerdekaan Palestin dan menyegerakan bantuan ke Gaza, adalah tiga langkah penting perlu dilaksanakan segera ketika ini.

Perdana Menteri menegaskan kepentingan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, ketika Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur bulan ini sebagai langkah ke arah penyelesaian lebih berkesan.

“Walaupun mungkin tidak sepenuhnya memuaskan, yang paling utama sekarang ialah hentikan serangan ke atas Gaza, jamin kemerdekaan Palestin sebagai negara berdaulat, serta

percepatkan bantuan kemanusiaan dan perubatan,” katanya ketika melawat Sumud Nusantara Command Centre (SNCC) di sini, petang semalam.

Terdahulu, Trump dilaporkan mengemukakan satu pelan damai untuk Gaza, yang dilihat sebagai versi baharu daripada cadangan sedia ada untuk menamatkan konflik di wilayah terbabit.

Cadangan itu dilihat menyamai Pelan Biden Februari 2024 dengan banyak unsur dalam pelan Perancis-Arab Saudi yang sudah disokong di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) awal bulan ini.

Anwar menegaskan, gesaan dunia ketika ini seiring tuntutan rakyat Palestin yang berada

di medan perjuangan sebenar, berbanding ‘celoteh kosong’ yang wujud di luar.

Katanya, kebanyakan negara Arab turut sepakat menuntut tiga perkara asas iaitu menghentikan keganasan, menjamin kemerdekaan Palestin, termasuk Gaza, serta mempercepatkan bantuan kemasyarakatan.

Katanya, meskipun kerangka persetujuan awal yang dibincangkan belum sepenuhnya menepati prinsip keadilan, beliau menyifatkan ia sebagai permulaan bermakna dalam perjuangan menentang penjajahan.

“Apa erti kemanusiaan kalau kita terus membiarkan keganasan, penindasan dan kezaliman berlaku? Hentikan dahulu keganasan, itu langkah pertama

yang sangat besar,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, Malaysia akan melancarkan bantahan keras di peringkat antarabangsa dengan sokongan negara rakan, sekiranya misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla (GSF) ke Gaza yang sedang berjalan ketika ini diganggu.

“Kami akan memulakan bantahan yang kuat dan menyeluruh dan saya akan menggunakan segala usaha untuk menghubungi semua pihak, termasuk negara yang mencadangkan keamanan, terutamanya Itali, Sepanyol dan Turki, serta sokongan China.

“Kita juga memantau usaha yang sedang dibuat Perancis dan Arab Saudi, kerana mere-

ka juga mencadangkan keamanan,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan bersedia memberi bantuan kepada keluarga 34 rakyat Malaysia yang mengambil bahagian dalam flotilla itu bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara.

Sebagai Penaung Sumud Nusantara, Anwar berkata, sokongan akan dihulurkan kepada delegasi dan keluarga mereka agar tidak menghadapi sebarang kesulitan sepanjang misi itu.

Beliau melahirkan rasa kagum dengan semangat juang yang ditunjukkan oleh 34 rakyat Malaysia yang sedang menyertai GSF demi menyampaikan bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza.